

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
SELAKU PENAUNG RAYUAN HARI PAHLAWAN  
DI UPACARA PENYAMPAIAN DERMA RAYUAN HARI  
PAHLAWAN 1989, DI WISMA PAHLAWAN,  
KUALA LUMPUR, PADA HARI ISNIN  
5HB. FEBRUARI, 1990  
PUKUL 2.30 PETANG

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh  
dan salam sejahtera.

*Sdr Pengemusi Mazli.*

Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Abdul Hamid  
Bidin,

Presiden Persatuan Bekas Perajurit

Malaysia;

*T/Sri.*

Dif-Dif Kehormat;

*Pana demmawan yg budiman.*

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati

sekalian.

*Keraja,  
Ahli JKK, Puluhi  
Presidn.*

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat Rayuan Hari Pahlawan yang telah mengundang saya untuk turut meraikan majlis yang berbahagia pada hari ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para dermawan serta para jemputan sekalian yang telah sudi meluangkan masa bagi meraikan Majlis ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Kita harus berbangga bahawa kerajaan sentiasa mengambil berat ke atas masa depan bekas-bekas perajurit yang telah banyak menabur jasa dan bakti. Walaupun mereka

...telah/-

Ahli = 78,000 =

109 cawangan  
14 bahagian

Kumpulan \$877,361/-

Hari \$15/-

telah meninggalkan perkhidmatan tentera, jasa yang telah mereka taburkan perlu dikenang kembali kerana merekalah yang menentukan kesejahteraan dan keselamatan rakyat negara kita. Perajurit-perajurit tanahair telah banyak berkorban dan telah banyak membantu kerajaan bagi menentukan keselamatan negara sentiasa terjamin demi menjayakan berbagai-bagai projek untuk mengisi kemerdekaan yang telah kita capai.

3. Sehubungan dengan itu dalam mencapai segala nikmat kemerdekaan yang telah sama-sama kita rasai, kita patutlah bersyukur dan mengenang kembali liku-liku hidup yang telah kita harungi terutama sekali peranan perajurit-perajurit kita.

Perajurit-perajurit tanahair bukan sahaja

...telah/-

telah bermandikan peluh, bahkan telah menggadaikan nyawa demi mempertahankan kedaulatan negara yang tercinta. Dalam mengharungi perjuangan tersebut, kita sentiasa mengakui bahawa ramai antara mereka yang telah gugur sebagai bunga bangsa atau yang cacat anggota akibat kecederaan. Dalam hal yang demikian adalah wajar bagi kita semua rakyat Malaysia membantu mereka.

4. Sepanjang tahun 1989, kutipan derma rayuan Hari Pahlawan amat menggalakkan walaupun terpaksa bersaing dengan beberapa kutipan derma yang dilancarkan oleh pihak tertentu sempena dengan Sukan SEA dan sebagainya. Pada tahun 1989 kutipan rayuan Hari Pahlawan telah berjaya memungut sebanyak Lapan Ratus Tujuh Puluh Tujuh Ribu Tiga Ratus

... Sembilan/-

Do'akan Luthfa terus  
bertugas menjaga keselamatan  
sungguhpun CPM. Tidak  
meletakkan senjata.

Sembilan Puluh Satu Ringgit (\$877,391.00). Jumlah kutipan ini menggambarkan penghargaan seluruh rakyat bagi mengingati keberanian serta keperwiraan perajurit-perajurit dalam mempertahankan kedaulatan negara.

5. Rayuan Hari Pahlawan juga merupakan suatu cara untuk menanam semangat patriotik di kalangan rakyat negara ini. Sesungguhnya sambutan yang diberikan oleh rakyat amat memberangsangkan dan kutipan tersebut sudah tentu memberi faedah yang besar kepada bekas-bekas perajurit serta keluarga mereka yang memerlukan bantuan. Ini jelas dapat dilihat dengan kehadiran jemputan-jemputan yang ada pada hari ini untuk meneruskan sumbangan mereka terhadap rayuan Hari Pahlawan.

... Pada/-

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Pada hari ini, saya telah difahamkan bahawa syarikat-syarikat besar akan memberi sumbangan terhadap rayuan Hari Pahlawan. Antaranya ialah Rubber Growers Association (M) Berhad, Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad dan Raintree Club. Sesungguhnya hasil kutipan yang diterima akan sedikit sebanyak dapat membantu Persatuan Bekas Perajurit Malaysia meneruskan usaha-usaha murni mereka. Antara usaha-usaha itu ialah skim bantuan kebajikan yang meliputi berbagai-bagai bentuk bantuan kepada balu-balu, ahli-ahli yang hilang upaya dan anak-anak mereka yang memerlukan bantuan.

...Kita/-

7. Kita sentiasa mendapat maklumat mengenai aktiviti-aktiviti Persatuan Bekas Perajurit Malaysia melalui media massa. Oleh yang demikian kita tidak seharusnya bimbang bahawa segala sumbangan yang telah diberikan kepada Persatuan ini akan sentiasa dikawal dan digunakan ke arah kebajikan ahli-ahli serta tanggungan mereka dengan sebaik-baiknya. Kerja-kerja amal yang dijalankan oleh Persatuan ini mempunyai erti yang besar dan secara langsung membantu meringankan beban yang ditanggung oleh kerajaan, terutama sekali tanggungjawab menghadapi masalah bekas-bekas perajurit kita. Di samping itu, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia haruslah mempertingkatkan aktiviti-aktiviti mereka dengan mengadakan berbagai-bagai kemudahan untuk bekas-bekas perajurit di dalam

...berbagai-bagai/-

berbagai-bagai aspek, terutama sekali dalam menyelesaikan masalah kehidupan mereka.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Akhir sekali, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada dermawan-dermawan serta seluruh rakyat di negara ini yang telah sudi memberi sumbangan terhadap rayuan Hari Pahlawan bagi tahun 1989. Semoga dengan sumbangan ikhlas yang dihulurkan, Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dapat mengorak langkah bagi meneruskan kegiatannya dengan harapan semoga perajurit-perajurit yang kurang bernasib baik dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna. Saya juga berharap kepada semua dermawan dan seluruh rakyat Malaysia supaya

...tidak/-

- 8 -

tidak akan jemu untuk terus berbudi kepada mereka yang telah berjasa.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu  
alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

#####



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA